



SIARAN MEDIA

PENCAPAIAN SPNB MELEBIHI 23,000 MELALUI PENYEDIAAN PROGRAM RUMAH MESRA RAKYAT BAGI RMKe-12

IPOH, 1 DISEMBER 2024 – Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) hari ini menyerahkan kunci rumah kepada pemilik kediaman Vila Idaman dan Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang disempurnakan oleh **YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)** sempena Program Sentuhan Kejayaan KPKT.

SPNB menawarkan dua produk rumah mampu milik (RMM), iaitu Kediaman SPNB untuk golongan B40 dan Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) untuk golongan M40. Kejayaan SPNB dalam menyiapkan serta memperoleh Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) bagi Projek Kediaman Vila Idaman Tanah Hitam, Kinta, Perak pada 4 November 2024 membuktikan komitmen berterusan serta tanggungjawab SPNB sebagai agensi pelaksana dalam menyediakan kediaman untuk rakyat Malaysia. Pada hari ini, sebanyak 35 pemilik kediaman *Vila Idaman* dan 10 peserta RMR menerima kunci rumah mereka.

Sebagai tanda sokongan terhadap aspirasi Kerajaan MADANI, SPNB turut menyediakan program RMR untuk golongan B40 di seluruh negara bagi membolehkan mereka memiliki kediaman yang selesa dan sempurna. Sehingga kini, sebanyak 67,443 unit RMR telah berjaya disiapkan dan diserahkan di seluruh negara.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), SPNB telah diperuntukkan untuk membina 15,000 unit RMR dengan nilai RM1.23 bilion menjelang tahun 2025. Berdasarkan permintaan yang tinggi untuk program ini, Kerajaan telah menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak 8,000 unit RMR bernilai RM683 juta, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak **23,000 unit RMR bernilai RM1.92 bilion**. Pencapaian ini melebihi sasaran atau bajet awal RMK-12 sebanyak 53%. Ini membuktikan komitmen tinggi Kerajaan melalui SPNB, dalam menyediakan perumahan untuk golongan B40.

Melalui Belanjawan 2025, SPNB telah diperuntukkan sejumlah RM504 juta untuk Program RMR, yang melibatkan pembinaan 5,450 unit RMR di seluruh negara.

SPNB merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan atas sokongan dan kepercayaan yang diberikan dalam usaha menyediakan kediaman bagi golongan B40 dan M40 di seluruh negara.

#StrongerTogether

#DemiPertawi

#UnityInDiversity

#KediamanAndaTanggungjawabKami

MENGENAI SYARIKAT PERUMAHAN NEGARA BERHAD

SYARIKAT PERUMAHAN NEGARA BERHAD (SPNB) adalah sebuah syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) di bawah pengurusan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang ditubuhkan pada 21 Ogos 1997 untuk menyediakan rumah mampu milik berkualiti dan mampan kepada setiap keluarga di Malaysia sejajar dengan Dasar Perumahan Negara.

Dikeluarkan oleh Unit Komunikasi Korporat dan Stakeholder SPNB. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi di talian 03-7849 2000 ext: 2584 atau menerusi email di pr@spnb.com.my.



www.spnb.com.my

